

Keputusan Tahunan HSBC Bank (Singapore) Limited bagi 2021

Penyata pendapatan bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021

	2021 S\$'000	2020 S\$'000
Pendapatan faedah	287,192	425,395
Tolak: Perbelanjaan faedah	(37,001)	(119,370)
Pendapatan faedah bersih	250,191	306,025
Pendapatan yuran dan komisen	150,526	128,054
Perbelanjaan yuran dan komisen	(37,651)	(41,824)
Pendapatan yuran dan komisen bersih	112,875	86,230
Pendapatan perdagangan bersih	43,217	38,960
Pendapatan lain	11,201	10,304
Jumlah pendapatan operasi	417,484	441,519
Perbelanjaan:		
- kos kakitangan	(126,977)	(131,021)
- susut nilai hartanah, loji dan peralatan	(8,776)	(8,951)
- pelunasan aset tidak ketara	(852)	(1,618)
- perbelanjaan operasi lain	(232,315)	(231,105)
Jumlah perbelanjaan operasi	(368,920)	(372,695)
Keuntungan operasi sebelum kerugian rosot nilai kredit dan hutang lapuk	48,564	68,824
Perubahan kerugian kredit dijangka dan caj rosot nilai kredit yang lain	6,264	(30,086)
Keuntungan sebelum cukai	54,828	38,738
Perbelanjaan cukai	(8,650)	(7,376)
Keuntungan bagi tahun kewangan	46,178	31,362

Penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021

	2021 S\$'000	2020 S\$'000
ASET		
Baki tunai di Bank Pusat	321,276	360,232
Bil perbendaharaan dan sekuriti pemerintah Singapura	2,811,628	3,626,586
Lain-lain bil perbendaharaan and sekuriti pemerintah	282,491	640,365
Aset derivatif	10,910	2,470
Baki dan penempatan di, dan pinjaman kepada, bank	168,360	30,230
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan	14,721,958	14,915,961
Jumlah terutang daripada syarikat induk langsung	33,085	28,743
Jumlah terutang daripada syarikat-syarikat berkaitan	8,933,159	8,069,535
Aset-aset lain	273,788	301,029
Hartanah, loji, peralatan	105,664	114,613
Aset tidak ketara	1,513	1,741
Jumlah aset	27,663,832	28,091,505
LIABILITI		
Liabiliti derivatif	35,542	29,234
Deposit dan baki bank	22,851	43,028
Deposit pelanggan bukan bank	25,552,269	24,695,716
Jumlah terutang kepada syarikat induk langsung	12,192	23,358
Jumlah terutang kepada syarikat-syarikat berkaitan	88,346	1,378,708
Liabiliti-liabiliti lain	189,154	187,537
Liabiliti cukai semasa	11,604	19,674
Cukai tertunda	829	2,733
Jumlah liabiliti	25,912,787	26,379,988
ASET BERSIH	1,751,045	1,711,517
EKUITI		
Modal saham	1,530,000	1,530,000
Rizab	65,412	70,899
Keuntungan terkumpul	155,633	110,618
Jumlah ekuiti	1,751,045	1,711,517

Nisbah Kecukupan Modal

Menurut item 7 Notis MAS kepada Bank No. 608, nisbah kecukupan modal dan komponen pada 31 Disember adalah:

	2021 S\$m	2020 S\$m
Modal Saham Biasa	1,530	1,530
Rizab yang didedahkan	107	149
Pelaras kawal selia	0	(1)
Modal Ekuiti Biasa Tahap 1	1,637	1,678
Modal Tahap 1	1,637	1,678
Peruntukan rosot nilai portfolio	36	45
Modal Tahap 2	36	45
Jumlah Modal Layak	1,673	1,723
Aset Berwajaran Risiko (RWA)	9,948	10,575
Nisbah Kecukupan Modal		
Modal Ekuiti Biasa Tahap 1	16.46%	15.87%
Tahap 1	16.46%	15.87%
Jumlah	16.82%	16.29%

Para Pengarah

Para pengarah Syarikat yang memegang jawatan pada tarikh penyata ini adalah seperti berikut:

Fong Mun Ng, Mervyn	Ngan Wan Sing, Winston (dilantik pada 19 Mac 2021)
Wong Kee Joo (dilantik pada 01 Jun 2021)	Lee Yoke Sim Penny
Tay Cheng Kim Karen	

Laporan Juruaudit Bebas kepada Ahli HSBC Bank (Singapore) Limited

Laporan ke atas Audit Penyata Kewangan

Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan HSBC Bank (Singapore) Limited ("Syarikat"), telah disediakan dengan betul menurut peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 1967, ("Akta") dan Piawaian Laporan Kewangan di Singapura ("FRS") untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan, perubahan dalam ekuiti dan aliran tunai Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Apa yang kami telah audit

Penyata kewangan Syarikat terdiri daripada:

- penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2021;
- penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021;
- penyata perubahan dalam ekuiti bagi tahun yang berakhir pada 31 Disember 2021;
- penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2021; dan
- nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting.

Asas Pendapat

Kami menjalankan audit kami menurut Piawai Audit Singapura ("SSA"). Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lebih lanjut dalam bahagian *Tanggungjawab Juruaudit bagi Pengauditan Penyata Kewangan* dalam laporan kami.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas kepada pendapat kami.

Kebebasan

Kami adalah bebas daripada Syarikat menurut Kod Tatakelakuan Profesional dan Etika bagi Akauntan Awam dan Entiti Perakaunan ("Kod ACRA") Penguasa Pengawasan Perakaunan dan Korporat ('ACRA') berserta dengan keperluan etika yang relevan kepada pengauditan penyata kewangan oleh kami di Singapura, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain menurut keperluan-keperluan ini dan Kod ACRA.

Maklumat Lain

Pengurusan bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain terdiri daripada Penyata Pengarah dan Maklumat Tambahan MAS 608 tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit kami di atasnya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan tidak merangkumi maklumat lain dan kami tidak memberi sebarang bentuk kesimpulan jaminan di atasnya.

Sehubungan dengan audit kami ke atas penyata kewangan, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain yang dikenal pasti dan, dengan berbuat demikian, memberi pertimbangan sama ada maklumat yang lain itu selaras secara material dengan penyata kewangan atau pengetahuan kami yang diperoleh dalam audit, atau sebaliknya, kelihatan disalahnyatakan secara material. Sekiranya, berdasarkan tugas yang kami laksanakan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata material bagi maklumat lain ini, kami diperlukan untuk melaporkan fakta itu. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berhubung perkara ini.

Tanggungjawab Pengurusan dan Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Pengurusan bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran benar dan saksama menurut peruntukan Akta dan FRS, dan untuk membentuk dan mengekalkan sistem kawalan perakaunan dalaman yang mencukupi untuk memberikan jaminan munasabah bahawa aset-aset dilindungi daripada penggunaan atau penjualan tidak dibenarkan; dan transaksi dibenarkan dengan betul dan bahawa ia direkodkan sebagaimana perlu untuk membenarkan penyediaan penyata kewangan yang benar dan saksama dan untuk mengekalkan akauntabiliti aset.

Dalam menyediakan penyata kewangan, pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Syarikat untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, di mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan pengurusan bercadang sama ada untuk membubarkan Syarikat atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik kecuali untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab pengarah termasuk menyelia proses pelaporan kewangan Syarikat.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap Audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapatkan jaminan yang munasabah sekiranya penyata kewangan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan untuk mengeluarkan laporan juruaudit yang menyatakan pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan suatu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut SSA akan sentiasa mengesan salah nyata yang material apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul akibat penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau agregat, salah nyata ini boleh dijangkakan dengan munasabah akan mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut SSA, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang material pada penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang material akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau pembatalan kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman tentang kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan usaha berterusan sebagai asas perakaunan oleh pihak pengurusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang material berhubung dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan signifikan ke atas keupayaan Syarikat untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian kepada pendedahan yang berkenaan dalam laporan juruaudit kami dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh mengakibatkan Syarikat berhenti operasi sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan secara keseluruhan, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan ini mewakili urusan niaga dan peristiwa yang mendasari dengan cara yang memberikan pembentangan saksama.

Kami berhubung dengan para pengarah mengenai, antara lain, perancangan skop dan masa audit dan penemuan audit yang penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami mengenal pasti semasa menjalankan audit kami.

Laporan mengenai Keperluan Undang-Undang dan Kawal Selia Lain

Pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta tersebut.

PricewaterhouseCoopers LLP
Akauntan Awam dan Akauntan Berkanun

Singapura, 11 Feb 2022

